

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN KEPERCAYAAN EPISTEMOLOGI ISLAM

Nurul Asiah Fasehah Muhamad
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak: Artikel ini membincangkan tentang kesahan dan kebolehpercayaan item dalam soal selidik kepercayaan epistemologi Islam. Instrumen ini telah dibina berdasarkan kepada Kajian perpustakaan, pandangan pakar dan objektif Kajian. Untuk mendapatkan kesahan item dalam instrument ini, pandangan sepuluh orang pakar telah diteliti.. Manakala kebolehpercayaan instrument diukur menerusi ujian pekali alpha. Hasil Kajian bagi kesahan pakar telah menunjukkan kesemua pakar bersetuju dengan item yang dibina Cuma memerlukan pengubahsuaian daripada segi ayat yang panjang dan membezakan antara ayat perbuatan dan kepercayaan. Manakala, nilai pekali alpha = 0.83 menunjukkan instrument ini memiliki nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Tiga item yang memiliki nilai pekali alpha di bawah 0.60 telah dibuang iaitu item di bawah subkonstruk sifat ilmu (item nombor 30 dan 31) dan item di bawah sub konstruk kesahan ilmu (item nombor 48). Kesimpulannya, item-item dalam instrument ini diterima pakai untuk mengukur tahap kepercayaan epistemologi Islam berdasarkan kesahan pakar dan nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Kata kunci: kepercayaan epistemology Islam, instrumen, kesahan, kebolehpercayaan

1.0 PENDAHULUAN

Setiap individu di muka bumi Allah ini mempunyai falsafah hidup masing-masing. Falsafah yang dipegang oleh seseorang bertindak sebagai landasan dan rujukan kepada kehidupan yang dilalui (Woodhouse 1990). Dengan kata lain, setiap pergerakan dan tindakan individu menggambarkan falsafah hidup yang dipegang dan dipercayai(Woodhouse 1990). Falsafah boleh ditakrifkan sebagai suatu sistem kepercayaan, pegangan atau prinsip yang dipegang oleh seseorang (Abd. Fatah Hasan 2001). Falsafah dalam Islam merujuk kepada pengertian hikmah iaitu ilmu yang padu dan pengalaman (Mohd Sulaiman Haji Yasin 1982). Falsafah juga merupakan sebahagian daripada perbincangan addin yang berlandaskan kepada al-Quran dan Sunnah sebagai teras kepada proses pemikiran manusia dengan memberi penekanan kepada elemen akhlak bagi melahirkan insan yang sempurna (Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman 2008). Islam melalui falsafah amat menekankan kebenaran sebagai

matlamat yang perlu dicapai, justeru ketajaman akal, ilmu yang mantap serta nilai yang teguh menjadi syarat bagi mencapai tujuan itu.

Hakikatnya, falsafah ini ditentukan oleh salah satu elemen yang terdapat di dalamnya (Mujamil Qomar 2002), di mana jika elemen ini benar menurut kaca mata Islam maka ia akan memberi makna kepada keseluruhan kehidupan individu tersebut di mata Allah dan memberi nilai terhadap falsafah yang dipegang. Elemen inilah yang dipanggil epistemologi atau teori ilmu menurut Al-Ghazali (1997). Epistemologi merupakan teori ilmu yang bermatlamatkan kebenaran. Perbincangan berkaitan dengannya berkisar tentang sumber ilmu Rabbaniyah dan insaniyyah yang digunakan secara harmoni dan seterusnya menerbitkan komponen-komponen ilmu yang lain seperti metode, sifat, pembahagian, kesahan dan batasan ilmu. Menurut Mujamil Qomar (2002) epistemologi adalah komponen yang paling penting dalam perbincangan falsafah. Hal ini kerana epistemologi yang betul menurut kaca mata Islam akan membawa manusia menemui kebenaran yang hakiki iaitu Allah s.w.t. Seterusnya, memahami hakikat kejadiannya sebagai hamba Allah dan khalifatullah yang melihat dunia sebagai tempat bersiap siaga untuk kehidupan abadi di akhirat. Epistemologi ini juga membantu manusia menemui nilai- nilai yang sewajarnya diamalkan selaku hamba Allah dan khalifatullah.

Oleh kerana peranan epistemologi yang amat penting dalam menentukan persepsi dan tindakan seseorang. Maka, satu set instrumen harus dibina bagi menilai tahap kepercayaan epistemologi Islam seseorang. Kajian seumpama ini telah dijalankan oleh Perry (1970), Schommer (1990) dan Hofer (2001). Kajian lain yang dijalankan hanya menggunakan instrument yang telah dibangunkan oleh Schommer (1990). Walau bagaimanapun, kesemua instrument ini berasaskan kepada epistemologi Barat yang secara jelas memisahkan antara agama dan kehidupan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai kebolehpercayaan dan kesahan instrument kepercayaan epistemologi Islam yang dibina.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ialah untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan muka dan kandungan bagi soal selidik kepercayaan epistemologi Islam. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

1. Menentukan kesesuaian item dengan konstruk kepercayaan epistemologi Islam melalui kesahan pakar, dan
2. Menentukan nilai kebolehpercayaan instrument melalui analisis pekali alpha.

3.0 PEMBINAAN INSTRUMEN KEPERCAYAAN EPISTEMOLOGI ISLAM

Item-item bagi konstruk kepercayaan epistemologi Islam diubahsuai daripada soal selidik kepercayaan epistemologi Schommer dan Inventori Kepercayaan Epistemologi Schrew. Memandangkan jenis kepercayaan epistemologi yang diukur di dalam kedua-dua set soal selidik ini berdasarkan kepada epistemologi barat, maka pengkaji melakukan pengubah suaian item berdasarkan kepada komponen epistemologi Islam yang dicadangkan oleh al-Ghazali (1962 1997), an-Nasr (1989), al-Attas (1978), al-Jabiri (1991) dan Ibnu Khaldun (2005). Item untuk bahagian ini dipecahkan mengikut subkonstruk sumber ilmu (1-11), metode ilmu (12-28), sifat ilmu (29-35), pembahagian ilmu (36-43), kesahan ilmu (44-53) dan batasan ilmu (54-58). Kesemua item ini menggunakan skala pemeringkatan likert iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) kurang setuju, (4) setuju dan (5) sangat setuju (Schommer 1991). Terdapat 9 item negatif di bahagian ini iaitu item 34, 35, 36, 37, 42, 53, 54, 56 dan 57.

4.0 KESAHAN ITEM KONSTRUK KEPERCAYAAN EPISTEMOLOGI ISLAM

Kesahan instrumen dilakukan ke atas dua bahagian penting soal selidik iaitu kesahan muka dan kesahan kandungan. Ini kerana kualiti sesuatu instrumen bergantung kepada kesahannya (Litwin 1995). Kesahan instrumen ialah bagi memastikan apa yang ingin diukur bertepatan dan skor ujian dapat diterjemahkan secara tepat dan bersesuaian (Gay L.R. et al. 2006). Oleh yang demikian, kesahan kandungan penting bagi memastikan item yang digunakan bersesuaian dan mewakili bidang yang diukur (Wiersma 2000). Begitu juga dengan kesahan muka agar aspek bahasa seperti ejaan, struktur ayat dan gaya penulisan dapat dikemaskinikan (Muijs 2004; Wiersma 2000).

Untuk tujuan itu, pengkaji telah menyediakan borang kesahan untuk diserahkan kepada panel-panel yang dipilih. Pakar yang dipilih terdiri daripada para ilmuwan yang arif dalam bidang epistemologi Islam, falsafah pendidikan, psikologi, pendidikan dan pengukuran dan penilaian. Seramai 10 orang pakar telah ditemui untuk mengesahkan setiap konstruk, sub konstruk dan item yang digunakan dalam kajian ini. Secara rumusnya, kesemua pakar bersetuju menerima kesemua item dalam konstruk kepercayaan epistemologi Islam dengan sedikit pengubahsuaian terhadap item.

Bagi konstruk kepercayaan epistemologi Islam, kesemua pakar berpendapat bahawa terdapat item yang dikemukakan dengan terlalu panjang dan mungkin mendatangkan kekeliruan kepada responden. Maka, pengkaji telah melakukan perubahan dari segi presentasi soalan supaya nampak lebih ringkas iaitu dengan memberikan kepala ayat bagi setiap sub konstruk. Contohnya, untuk sub konstruk sumber ilmu dimulai dengan “saya percaya bahawa dengan merujuk...” kemudian disusuli dengan item B1. Al-Quran dapat menyelesaikan kebuntuan. Perkara ini dilakukan mengikut kepada cadangan yang diberikan oleh pakar setelah diskusi

dijalankan. Selain itu, untuk konstruk ini juga pakar meminta untuk menzahirkan ayat yang menunjukkan kepercayaan dan membezakan ayat tersebut dengan ayat yang menunjukkan perbuatan. Contohnya, “saya merujuk Al-Quran ... ditukar kepada “saya percaya dengan merujuk Al-Quran...”

5.0 KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMENT KEPERCAYAAN EPISTEMOLOGI ISLAM

Menurut Gay et.al (2006) kebolehpercayaan sesuatu instrumen diperoleh apabila item dapat mengukur apa yang ingin diukur secara konsisten. Item yang dapat mengekalkan tahap konsistensi yang tinggi mempunyai kadar kebolehpercayaan yang tinggi dan tidak diragui manakala item yang tidak dapat mengekalkan tahap konsistensi mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah dan diragui (Akbariah 2009; Mohd Majid 2000).

Kebolehpercayaan sesuatu instrumen diperhatikan berdasarkan kepada kadar ketekalan dalaman item-item yang membentuk soal selidik tersebut. Kadar ketekalan ini dinilai berdasarkan kepada nilai cronbach alpha. Nilai ini didasarkan kepada indeks kebolehpercayaan Kirk (1984) dan Babie (1992) serta digunakan oleh Azhar Ahmad (2006) seperti dalam Jadual 3.3 di bawah:

Jadual 3.7 Klasifikasi indeks kebolehpercayaan pekali alpha

Indikator	Nilai Alpha Cronbach
Sangat tinggi	> 0.90
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	<0.30

Sumber: Kirk (1984) dan Babie (1992)

Nilai pekali alpha yang dirujuk bagi menentukan sesuatu item dipercayai dan diterima, berbeza-beza berdasarkan banyak pendapat. Antaranya disebabkan oleh jenis instrumen contohnya, jika instrumen yang berkaitan personaliti biasanya lebih rendah nilai cronbach alpha berbanding instrumen pencapaian, kemudian tujuan kajian, sama ada kajian tersebut bertujuan untuk menghasilkan satu keputusan yang penting ataupun untuk tujuan eksplorasi dan akhirnya sama ada keputusan dapatan mempengaruhi individu ataupun kumpulan (Macmillan dan Schumacker 2006). Oleh yang demikian terdapat pelbagai pandangan dan pendapat untuk menentukan sama ada item tersebut boleh diterima atau digugurkan berdasarkan nilai cronbach yang di milikinya. Menurut Cohen et al (2000) dan Aiken (2000) nilai cronbach alpha yang

boleh diterima ialah 0.80. Manakala Muijs (2004) dan Crowl (1996) berpendapat nilai cronbach alpha 0.70 digunakan oleh ramai pengkaji bagi menentukan item boleh diterima pakai khususnya bagi item yang mengukur persepsi, sikap dan ciri personaliti. Seterusnya, Mc Millan dan Schumacker (2006) berpandangan nilai cronbach alpha yang boleh diterima pakai ialah 0.65. Selain itu, bagi Sekaran (1992) dan Mohd Majid (2000) nilai cronbach alpha 0.60 sudah memadai untuk mengekalkan sesuatu item.

Setelah data ujian rintis dianalisis, nilai cronbach alpha bagi kesemua item ialah 0.83. Di mana nilai ini menunjukkan nilai yang sangat tinggi (Kirk 1984, Babie 1992). Tiga item yang mendapat nilai cronbach di bawah 0.60 iaitu item di bawah sub konstruk sifat ilmu (item nombor 30 dan 31) dan item di bawah sub konstruk kesahan ilmu (item nombor 48).

Kesimpulannya, kesemua item mendapat nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima kecuali tiga item yang telah digugurkan. Nilai kebolehpercayaan bagi setiap kostruk dan subkonstruk seperti jadual di bawah:

Jadual 3.8 Nilai kebolehpercayaan bagi setiap item kepercayaan epistemologi Islam

	Jum. Item	Nilai cronbach alpha
Kepercayaan epistemologi		0.830
1)sumber ilmu	11	0.827
2)metode ilmu	17	0.873
3)sifat ilmu	7	0.614
4)pembahagian ilmu	8	0.812
5)kesahan ilmu	10	0.633
6)batasan ilmu	5	0.712
	58	0.830

6.0 KESIMPULAN

Instrumen kepercayaan epistemologi giat dibangunkan di Barat seiring dengan perkembangan penyelidikan berkaitan dengannya. Ini menunjukkan peri pentingnya konstruk ini dalam penentuan persepsi dan tindakan seseorang individu. Pengkaji melihat kajian ini amat penting untuk dijalankan kerana bagi individu Muslim yang seharusnya menjadikan agama sebagai cara kehidupan lebih jelas pandangan alam kehidupannya. Ini boleh dinilai salah satunya daripada kepercayaan epistemology Islam yang dimilikinya. Kajian ini menunjukkan instrument yang dibangunkan memiliki nilai ketekalan yang tinggi dan diperkau oleh sepuluh orang pakar yang menilai. Justeru, instrument ini boleh diguna pakai untuk menilai kepercayaan

epistemologi Islam seterusnya mengisi kelompangan yang ada. Walau bagaimanapun, ia masih terbuka kepada sebarang penambah baikan.

7.0 RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abd Razak, Shahrin Awaluddin, Kamarulzaman Abdul Ghani & Mohd Aderi Che Noh. 2006. *Kajian Amalan Pengajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah Dan Menengah*. Seminar IRPA RMK-8, Kategori ERK 2006, hlm. 1-15.
- Abd. Fatah Hasan. 2001. *Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman. 2008. *Falsafah Pendidikan Dan Kurikulum*. Perak: Quantum Books.
- al-Ghazali, Abū Hāmid Muḥammad ibn Muḥammad. 1997. *The Alchemy of Happiness*. New Delhi: Islamic Book Service.
- Mohd Farid Bin Mohd Shahrin. 2013. *Falsafah dan hala tuju pendidikan dalam Islam*. Kertas kerja Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam. Anjuran IKIM, 24-25 September 2013.
- Mohd Sani Badron. 2013. *Dinamika Fardhu Ayn dan Fardhu Kifayah: Kesepaduan Ilmu Sains, Kemanusiaan dan Keagamaan*. Kertas kerja Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam. Anjuran IKIM, 24-25 September 2013.
- Mohd Sulaiman Haji Yasin. 1982. *Pengantar Falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mujamil Qomar. 2002. *Epistemologi Pendidikan Islam Dari Metode Rasional Hingga Metode Kritik*. Jakarta: Erlangga.
- Nor Aidah Binti Mohamad Ariff, Rohana Hamzah & Amirmudin Udin. 2010. *Guru Ptv Masa Hadapan: Kefahaman Falsafah Yang Lebih Baik*. edupress 2010.
- Rabiatul-Adawiah. 2009. *Pengaruh Epistemologi Islam terhadap pembentukan kepercayaan guru-guru Sains Muslim dan amalan pengajaran mereka*. Tesis Dr. Fal., Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schommer, M. 1990. *Effect of Beliefs About the Nature of Knowledge in Comprehension*. *Journal of Educational Psychology* 82(3): 498-504.
- Woodhouse, M. B. 1990. *A Preface to Philosophy*. Ed. ke-4. Belmont: Wadsworth Publishing Company.